



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 28 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEMPEN MAKAN BUAH TEMPATAN HARGAI PETANI, NEGARA, KOSMO – 6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	MORE R&D TO PRODUCE LOCAL FRUITS YEAR-ROUND, NATION, THE STAR – 5	
3.	KERAJAAN LANCAR KEMPEN MAKAN SAYUR TEMPATAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 9	
4.	HASILKAN BUAH SEPANJANG MUSIM, NASIONAL, SINAR HARIAN – 5	
5.	THAILAND, JEPUN RUJUKAN R&D HASIL BUAH BERMUSIM SEPANJANG TAHUN, NASIONAL, BERITA HARIAN – 17	
6.	A HUMANE PATH FOR STRAYS, VIEWS, THE STAR – 12	LAIN-LAIN
7.	UPM HASIL INOVASI GALAK PERTANIAN BANDAR MESRA ALAM, PENDIDIKAN, BERITA HARIAN – 21	
8.	'KE MANA LAGI KAMI HENDAK PERGI?', NEGARA, KOSMO – 14	
9.	DURIAN MALAYSIA LEBIH PREMIUM, NIAGA, KOSMO – 30	
10.	'TUJUH TAN PADI SEHEKTAR TIDAK REALISTIK', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 1 & 2	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



MOHAMAD (dua dari kanan) menunjukkan cempadak tempatan pada perasmian kempen makan buah dan sayur di Klang semalam.

Kempen makan buah tempatan hargai petani

KLANG – Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan merupakan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan rakyat membeli dan memakan produk tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kempen itu merupakan salah usaha kerajaan untuk mempromosikan buah serta sayur yang ditanam oleh petani tempatan.

"Kami lihat ketika ini banyak buah tempatan yang tidak bermusim seperti jambu dan belimbing ini boleh didapati di pasaran.

"Dengan begitu banyak buah dan sayur tempatan yang sudah masak dan boleh dijual, kami harap rakyat Malaysia beli dua produk ini sebagai tanda sokongan kepada petani tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen itu bersempena dengan karnival FAMA Fest 2025 @ Selangor di sini semalam.

Beliau mengambil contoh Thailand dan Jepun yang mana dua kerajaan ini hanya menghidangkan makanan daripada produk tempatan masing-masing ketika majlis rasmi kerajaan.

Justeru, beliau berharap sokongan juga diberikan rakyat terhadap kempen itu sebagai tanda penghargaan mereka kepada petani tempatan.

"Seperti produk luar negara, buah serta sayur tempatan turut ada banyak khasiat.

"Selepas ini, kami akan mempromosikan kempen ini di program di bawah Kementerian Pertanian bekerjasama dengan pihak lain," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, FAMA telah mempromosikan kempen tersebut pada minggu lalu, dengan menjalankan Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan di sebuah sekolah di Tapah, Perak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/7/2025	THE STAR	NATION	5

More R&D to produce local fruits year-round

KLANG: Thailand and Japan have been used as reference points in research and development (R&D) for seasonal fruits to achieve year-round production.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*) said the effort, undertaken by the Agriculture Department and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), is in line with the campaign to promote local fruits and vegetables.

"We are carrying out R&D to produce new seeds and so on.

"The Mardi durian, for example, was produced recently in Kuala Kangsar.



"Delicious (and) high quality," he said when launching the National Campaign to Eat More Local Fruits and Vegetables at the four-day Fama Fest 2025@ Selangor here yesterday.

Mohamad said the ministry is very serious about boosting the popularity of local fruits among Malaysians.

As part of the effort, he said the government decided that local fruits must be served at official functions as a show of support for local farmers.

"During my visit to Thailand as Defence Minister (May 2018 to February 2020), I was served cuisine made with local fruits and vegetables throughout my time there.

"The same goes for Japan – almost 100% local," he said, *Berhama* reported.

Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) chairman Aminuddin Zulkipli said the fest, which featured 50 local entrepreneurs and drew more than 40,000 visitors, recorded a sales value of over RM800,000.

Since its launch in 2017, the Fama Fest has been a catalyst for the economic growth of agri-entrepreneurs, he said.

Last year's event saw the participation of 949 entrepreneurs and attracted more than 492,000 visitors nationwide, generating RM8.8mil in sales.

This year, the target is RM5.3mil in sales with 265,000 visitors and the involvement of 383 entrepreneurs across six locations.

Kerajaan lancar kempen makan sayur tempatan

KLANG: Kerajaan melancarkan 'Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan' bermula semalam sebagai usaha mempromosi dan meningkatkan ekonomi petani, tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kempen tersebut juga sebagai galakan kepada pengguna supaya mengutamakan produk tempatan terutama makanan.

"Kami lihat ketika ini banyak buah tempatan yang tidak bermusim seperti jambu dan belimbing boleh didapati di pasaran. Begitu banyak buah dan sayur tempatan yang sudah masak dan boleh dijual.

"Kami berharap rakyat Malaysia membeli produk (buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan) sebagai tanda sokongan kepada petani tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen itu sempena karnival FAMA Fest 2025 @ Selangor, semalam.

Tambahnya, dengan me-

ngambil contoh Thailand dan Jepun yang hanya menghidangkan makanan daripada produk tempatan masing-masing ketika majlis rasmi kerajaan.

Justeru, Mohamad Sabu memberitahu, beliau berharap rakyat di negara ini menyokong kempen tersebut sebagai tanda penghargaan mereka kepada petani tempatan.

"Seperti produk luar negara, buah serta sayur tempatan turut mempunyai khasiat yang banyak. Selepas ini kami akan mempromosikan kempen itu melalui program di bawah kementerian serta bekerjasama dengan pihak lain," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, FAMA sudah pun mempromosikan kempen tersebut pada minggu lalu di sebuah sekolah di Tapah, Perak.

Menurutnya, hebahan melalui media sosial rasmi milik lembaga itu turut dilakukan bagi merencanakan kempen berkenaan.



MOHAMAD Sabu mencuba buah cempedak pada majlis perasmian 'Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan' sempena FAMA Fest 2025 @ Selangor di Klang, semalam. - UTUSAN/MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Hasilkan buah sepanjang musim

Malaysia rujuk Thailand, Jepun perkasa buah-buahan tempatan

KLANG

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjadikan Thailand dan Jepun sebagai rujukan dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap buah-buahan bermusim bagi pengeluaran sepanjang tahun.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha berkenaan yang dilakukan Jabatan Pertanian (DoA) bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sejajar dengan objektif Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran

Tempatan.

"Kita sentiasa lakukan R&D terutama oleh pihak DoA dan MARDI untuk mengeluarkan benih baharu dan sebagainya. Misalnya, durian MARDI yang dikeluarkan baru-baru ini di Kuala Kangsar, sedap dan bermutu tinggi," katanya.

Mohamad berkata demikian ketika berucap melancarkan Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan Peringkat Kebangsaan di sebuah pusat beli-belah di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, KPKM amat serius dalam usaha memartabatkan kembali buah-buahan tempatan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan juga telah memutuskan majlis rasmi keraja-



MOHAMAD

an perlu dihidangkan dengan buah-buahan tempatan sebagai simbol sokongan terhadap pengeluaran petani tempatan serta memartabatkan produk sendiri.

"Ketika melawat ke Thailand sewaktu menjadi Menteri Pertahanan, saya dihidangkan makanan berasaskan buah dan sayur tempatan sepanjang berada di

sana. Begitu juga Jepun, hampir seratus peratus tempatan," katanya.

Terdahulu, Mohamad menyempurnakan Majlis Penutup FAMA Fest 2025 @ Selangor yang berlangsung empat hari bermula 24 Julai lepas bagi mempromosikan industri makanan dan asas tani seperti buah-buahan, sayur-sayuran serta produk florikultur tempatan kepada masyarakat umum. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/7/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Thailand, Jepun rujukan R&D hasil buah bermusim sepanjang tahun

KPKM serius dalam usaha martabatkan buah-buahan tempatan

Klang: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjadikan Thailand dan Jepun sebagai rujukan dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap buah-buahan bermusim, bagi pengeluaran sepanjang tahun.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata usaha berkenaan yang dilakukan Jabatan Pertanian bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), sejajar dengan objektif Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan.

"Kita sentiasa melakukan R&D

untuk mengeluarkan benih baharu dan sebagainya.

"Misalnya, durian MARDI yang dikeluarkan baru-baru ini di Kuala Kangsar, sedap dan berutu tinggi," katanya ketika berucap melancarkan Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan Peringkat Kebangsaan di sebuah pusat beli-belah, di sini, semalam.

Dalam pada itu Mohamad berkata, KPKM amat serius dalam usaha memartabatkan kembali buah-buahan tempatan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sokong petani tempatan

Beliau berkata, agensi kerajaan juga memutuskan majlis rasmi perlu dihidangkan dengan buah-buahan tempatan sebagai simbol sokongan terhadap pengeluaran petani tempatan serta memartabatkan produk sendiri.

"Ketika melawat ke Thailand sewaktu menjadi Menteri Pertanian, saya dihidangkan makanan berasaskan buah dan sayur tempatan sepanjang berada di sa-



Mohamad melancarkan Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan Peringkat Kebangsaan pada Majlis Penutup FAMA Fest 2025 @ Selangor di Klang, semalam. (Foto BERNAMA)

na. Begitu juga Jepun, hampir 100 peratus tempatan," katanya.

Terdahulu, Mohamad menyempurnakan Majlis Penutup FAMA Fest 2025 @ Selangor yang berlangsung empat hari bermula 24 Julai lalu, bagi mempromosi

industri makanan dan asas tani seperti buah-buahan, sayur-sayuran serta produk florikultur tempatan kepada masyarakat.

Sementara itu Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin

Zulkipli, berkata FAMA Fest 2025 @ Selangor berjaya mencapai sasaran apabila mencatat nilai jualan melebihi RM800,000 memabitkan penyertaan 50 usahawan tempatan dengan lebih 40,000 pengunjung. BERNAMA

RECENTLY, in Ipoh, over 200 Malaysians gathered at night not in anger, but in solemn remembrance. Candlelight flickered in the hands of mothers, students, retirees – people from all walks of life – honouring the lives of thirty dogs recently euthanised at the Lahat Animal Detention Centre in Ipoh.

What brought them there was grief. But what they lit wasn't just wax and flame – it was the beginning of a brighter, more humane conversation.

This moment should not pass quietly.

Stray management is complex. Our councils face real pressures. But how we treat the most vulnerable – yes, even the voiceless animals in our care – speaks volumes about the soul of our society. And in Ipoh, Malaysians showed the world we care. Deeply.

Yet compassion must be matched by policy. What happened in Lahat isn't an isolated tragedy. It reflects systemic shortcomings: overcrowded shelters, unclear euthanasia guidelines, limited adoption pathways, and a lack of coordination between local authori-

A humane path for strays



Stray dogs roaming around a landfill in Papan, Perak.

ties and the NGOs doing much of the work.

Fortunately, the roadmap discussed this week points toward progress – if we choose to follow it.

In the short term, let's extend the claim periods for impounded animals and invest in temporary shelters. Give people a

chance to adopt. Let life have more time.

In the medium term, Malaysia should implement nationwide microchipping by January 2026 as promised, and upgrade all public pounds to meet the Department of Veterinary Services' basic welfare standards. We can – and should – set

the bar higher than survival.

And in the long term, it's time to revisit the Animal Welfare Act (2015). We must enshrine humane treatment not just in principle but in enforceable law. This includes protocols for euthanasia that are ethical, transparent and used only as a true last resort.

But we must go further.

We cannot continue to allow irresponsible breeding to overwhelm an already strained system. It is time for Malaysia to enforce stricter licensing, inspection, and penalties on commercial and backyard breeders. Every litter born for profit increases the likelihood of another dog ending up on the street or being euthanised in a shelter.

We need a policy that looks forward and a policy that looks upstream.

And we need to recognise NGOs not as fringe actors, but as vital partners. With real inclusion in policy committees and funding to scale their work, they can help turn passion into sustainable change.

We are at a crossroads. Will we look away, or will we turn this vigil into a vision?

I believe we are a nation capable of great empathy – and greater action. If we choose both, the loss in Lahat may yet lead us to a more compassionate future.

SURESRAJ THERAMBARAJOO
George Town

UPM hasil inovasi galak pertanian bandar mesra alam

Dua siswa
Fakulti Pertanian
hasilkan mini pot,
inisiatif pertanian
skala kecil

Oleh Nurin Amyra Amir Ahmad
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bercucuk tanam kini bukan sekadar hobi, malah menjadi strategi hidup mampan untuk generasi masa depan, terutama dalam suasana keberangtungan tinggi terhadap bekalan makanan luar dan kepadatan penduduk bandar yang semakin meningkat.

Melihat potensi pertanian bandar berskala kecil, dua pelajar 'Tahun Dua, Bachelor Teknologi Pertanian Pintar, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Yap Zhan How dan Teng Hao Wen tampil membangunkan 'mini pot', sebuah kit tanaman mesra pengguna yang menyokong amalan pertanian hijau dalam ruang kediaman terhad.

Produk yang dibangunkan di bawah jenama Vermacres itu mengandungi media semula jadi seperti cocopeat dan vermikompos, bersama benih empat jenis tumbuhan pilihan iaitu lavender, gypsophila, cat grass dan mosquito repellent grass, menjadikannya sesuai untuk kegunaan rumah.

Zhan How berkata, mini pot itu direka bagi menggalakkan gaya hidup lestari dengan memperkalkan pertanian sebagai aktiviti

praktikal yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja, tanpa memerlukan ruang besar.

"Kami mahu hasilkan produk yang memudahkan orang ramai menanam dalam ruang terhad sambil mendidik masyarakat tentang kepentingan amalan hijau.

"Mini pot ialah titik permulaan yang sesuai untuk semua peringkat," katanya.

Bagi rakannya, Hao Wen pula media tanaman digunakan dihasilkan melalui proses vermikomposting, iaitu penguraian sisa makanan menggunakan cacing African Night Crawlers untuk menghasilkan baja organik berkualiti tinggi.

"Vermikompos membantu menyuburkan tanah secara semula jadi, di samping mengurangkan pembaziran sisa makanan harian.

"Ia adalah alternatif baja sela-



Pencipta mini pot dari UPM, Hao Wen (kiri) dan Zhan How. (Foto ihsan UPM)

mat dan berkesan," katanya.

Pemilihan jenis tanaman

Tambahnya, pemilihan jenis tanaman juga dibuat berdasarkan fungsi dan nilai tambah masing-masing iaitu lavender untuk aroma menyegarkan, cat grass baik untuk penghadaman kucing, gypsophila sebagai tanaman hiasan dan mosquito repellent grass sebagai agen semula jadi penghalau serangga.

Menariknya, setiap unit mini pot turut dilengkapi kod QR yang menghubungkan pengguna kepada tutorial penanaman, panduan penjagaan serta komuniti dalam talian aktif yang berfungsi sebagai ruang sokongan interaktif.

Mereka turut berkongsi ca-

baran sepanjang proses pembangunan produk, termasuk keangan kewangan, penyelenggaraan cacing yang sensitif terhadap suhu serta keterbatasan dalam aspek pemasaran kerana semua proses dikendalikan sepenuhnya oleh mereka berdua.

Walaupun berdepan pelbagai rintangan, kedua-duanya tetap yakin mini pot mampu menyumbang kepada kesedaran masyarakat tentang kepentingan menanam sendiri dan pengurangan sisa makanan ke arah kelestarian dan keterjaminan makanan negara.

"Kami berharap usaha kecil ini mampu mencetuskan perubahan besar dalam cara masyarakat melihat pertanian, khususnya dalam persekitaran bandar," katanya.

'Ke mana lagi kami hendak pergi?'

- Kawasan menangkap ikan di Melaka makin mengecil
- Nelayan berebut kawasan hingga timbul ketegangan

Oleh DIYANATUL ATIQA
ZAKARYA dan AMRAN ALI

MELAKA – Projek tambakan pasir dan sebahagian perairan yang digazetkan sebagai Taman Laut Negara didakwa menjadi punca lebih 500 nelayan di negeri ini hilang punca rezeki hingga ada yang beralih ke kawasan lain hingga mencetuskan ketegangan antara mereka.

Rahim, 55, berkata, simpanan nelayan semakin menguncup dan tidak lagi dapat menampung perbelanjaan asas keluarga termasuk membeli beras.

Katanya, sebelum ini nelayan pesisir pantai terpaksa ke tengah laut untuk menangkap ikan ekoran projek tambakan pasir. Isu itu melibatkan hampir semua kawasan nelayan di negeri ini.

"Bila ke tengah laut, kami bergelut dengan kapal besar yang berlabuh tanpa kawalan. Kawasan pencarian ikan semakin mengecil sejak sebahagian perairan Selat Melaka digazetkan sebagai Taman Laut Negara dua



DUA nelayan pesisir pantai mengisi masa membaki jaring yang rosak selepas hampa lokasi menangkap ikan dipenuhi kapal besar yang berlabuh di tengah laut.

tahun lalu.

"Mana lagi kami hendak pergi? Darat sudah ditambak, laut pula kapal besar berlabuh dan sekarang kami terpaksa curi-curi tangkap ikan di perairan berhampiran pulau yang kononnya untuk konservasi serta merancakkan sektor pelancongan," katanya kepada Kosmo!

Taman Laut yang diwartakan

di bawah Akta Perikanan 1985 itu meliputi keluasan kawasan 26.97 kilometer persegi melibatkan Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol dengan jarak 1.852 kilometer dari pantai.

Menurut Rahim, tekanan itu turut mencetuskan ketegangan antara para nelayan dari pangkalan di pelbagai tempat.

Tambahnya, bila kawasan bi-

asa sudah tidak cari makan, ada nelayan yang pergi ke tempat orang hingga mencetuskan ketegangan apabila ramai berkumpul di tempat sama.

"Konservasi patutnya melibatkan satu pulau sahaja. Kami bukan mahu lawan pemimpin tetapi hanya mempertahankan hak sebagai nelayan sahaja," katanya.

Omar, 49, pula berkata, dia

kecewa apabila tiada sempadan jelas diletakkan di lokasi yang digazetkan menyebabkan nelayan dituduh mencerooboh.

"Setakat ini sebanyak 15 bot rakan-rakan kami telah disita pihak berkuasa, sekali gus mereka ini hilang punca pendapatan.

"Memang mudah untuk pihak berkuasa menuduh kami mencerooboh kerana kami tidak tahu lokasi yang tepat persemipadanan perairan Taman Laut Negara, tidak ada tanda," luahnya.

Menurut Rosli, 53, dia yang mempunyai tiga orang anak terpaksa bergadai harta benda demi memastikan kelangsungan hidup keluarganya.

"Habis barang kemas isteri dan barangan lain saya gadaikan sebab nak bagi duit belanja kepada anak yang sedang belajar di universiti. Kalau situasi ini berterusan, memang para nelayan tidak dapat bertahan lagi," katanya.

Tinjauan Kosmo! di ketiga-tiga pulau terabit semalam yang sepatutnya menjadi hari tumpuan pelancong turut mendapati ia sunyi tanpa pengunjung.

Turut dilihat adalah bongkah-bongkah kayu dan besi tersadai di pesisiran pantai didakwa binaan jeti yang sebelum ini menelan kos pembinaan hampir RM500,000 roboh hanya selepas dua tahun dibina.

Durian Malaysia lebih premium

SEMBANG KORPORAT

- Tarikan terbaharu durian di Kuala Kangsar
- Manggis, limau bali, rambutan turut ditawarkan

KOSMO: Berapa jumlah pengunjung Duriotourism Mardi setiap kali musim durian?

MOHAMAD ZABAWI: Setahun ada dua musim durian dan setiap kali dibuka iaitu dalam tempoh dua minggu, jumlah pengunjung boleh mencecah sehingga lebih 500 orang. Jadi kutipan bayaran masuk adalah sekitar RM50,000 untuk setahun.

Bayaran dikenakan adalah RM50 seorang, adakah terdapat perancangan untuk menaikkan harga ketika durian kini semakin mahal?

Tidak seronok makan durian bila seorang diri, pengunjung yang datang kebanyakannya secara berkumpulan bersama keluarga. Jadi dengan nilai RM50 yang dibayar, mereka dapat menikmati durian berkualiti dan lebih menarik, mereka dapat merasai suasana makan di dalam dusun.

Kami mahu pastikan bayaran pengunjung dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka.

Ada pokok durian yang berusia tua, jadi berapa lama lagi Duriotourism ini berdaya maju untuk menerima kunjungan pelancong?

Dusun ini akan terus memberi hasil kerana kami sentiasa meningkatkan usaha menjaga kualiti setiap pokok durian, membaja dan merawatnya.

Bagi pokok durian yang sudah mati, kami tanam pokok baharu. Kami juga akan menambah baik segala kemudahan yang ada di sini.

Boleh ulas mengenai faktor persaingan daripada pengusaha swasta?

Syarikat pengeluar durian pastinya akan memastikan mereka mendapat pokok yang mengeluarkan hasil berkualiti tinggi untuk dijual, tetapi bagi Mardi, kami tidak bersaing di pasaran sebaliknya memfokuskan kepada kajian dan pengwujudan vari-



MOHAMAD ZABAWI (tengah) menunjukkan sebahagian daripada varieti durian premium yang ditawarkan acara Duriotourism Mardi bertempat di dusun seluas hampir 40 hektar di Kuala Kangsar.

BILA tiba musim durian, bukan sahaja peminat durian yang berasa puas menikmati raja buah itu, malah manfaat hasilnya turut dikongsi oleh penanam, penjual, pemborong dan peniaga kecil.

Harga varieti durian popular seperti Musang King atau Black Thorn bukanlah murah, namun terdapat penawaran pelbagai pilihan lain termasuk durian kampung yang boleh menepati kesesuaian bajet para peminat durian.

Berkesempatan menerima jemputan ke Duriotourism

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) di Kuala Kangsar, Perak bersama rakan media lain baru-baru ini, Kosmo! tidak melepaskan peluang untuk keluar daripada kesibukan bandar dan menikmati buah tersebut dalam kawasan dusun. Dusun seluas 39.5 hektar itu meriah dengan suara hila tawa pengunjung yang hadir melepaskan geram menikmati raja buah pelbagai jenis, sambil dilayan mesra oleh kakitangan Mardi.

Ketua Pengarah Mardi, **Datuk Mohamad Zabawi Abdul Ghani** berkata, pihaknya mahu memastikan bayaran yang dikenakan kepada pengunjung berbaloi dengan hidangan durian berkualiti tinggi.

"Durian Malaysia lebih premium daripada durian di negara jiran," tegasnya kepada Kosmo! ketika ditemui baru-baru ini.

eti baharu.

Setelah ia didapati benar-benar stabil, barulah kami komersialkan anak benih durian di pasaran.

Kami menjualnya secara offline dan sekarang, ia juga boleh dibeli secara online.

Berapa banyak varieti baharu yang bakal diperkenalkan Mardi?

Kita sekarang dalam penilaian beberapa hibrid baharu dan sedang melihat kesesuaian serta kestabilan varieti, yang mana fokusnya bukan sahaja kepada hasil keluaran pokok, malah daripada aspek rasa, warna dan kua-

liti buah.

Yang ada sekarang tiga varieti durian dan kod bagi durian itu masih belum ada.

Melihat kepada perkembangan di negara jiran, adakah durian Malaysia masih yang terbaik?

Ya, durian Malaysia lebih premium. Sebagai contoh, usaha Mardi menghasilkan varieti MS88 dan kami terus memantau keberhasilannya agar ia menjadi durian premium negara pada masa depan.

Buat masa ini, varieti durian ini baru berusia dua hingga tiga tahun dan bila ia mula menghasil-

kan buah, kami yakin ia akan mendapat menguasai pasaran yang lebih luas. Durian MS88 telah diperkenalkan sejak tahun lalu dan kami bercadang untuk memberi nama baharu agar ia lebih mudah dikenali.

Sebagai contoh durian Musang King, ia adalah daripada D197 tetapi ia dinamakan semula untuk menarik perhatian pembeli, jadi kami sedang cuba mencari nama sesuai bagi varieti MS88 supaya lebih 'catchy' agar lebih mudah untuk dikomersialkan nanti.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	1

'Tujuh tan padi sehektar tidak realistik'

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Sasaran kerajaan untuk meningkatkan hasil padi negara kepada tujuh tan metrik sehektar semusim dilihat sukar dicapai dalam masa terdekat, berikutan pelbagai kekangan asas yang terus membelenggu pesawah, khususnya berkaitan sistem saliran yang daif dan ancaman keladi agas yang merosakkan tanaman.

Bagi pesawah, pengeluaran yang agak realistik dan disifatkan sudah cukup tinggi yang boleh dilakukan ketika ini adalah sekitar lima atau 5.5 tan metrik per hektar sahaja semusim.

Masalah infrastruktur khususnya pengairan yang masih teruk menyukarkan pesawah meningkatkan pengeluaran hasil padi pada setiap musim.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

'Tujuh tan padi sehektar tidak realistik'

Dari muka 1

Seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 62, berkata, sistem pengairan yang uzur di banyak kawasan sawah memaksa mereka mengeluarkan belanja sendiri untuk membeli pam air.

"Kalau hujan kurang, pesawah kena keluaran duit sendiri lagi. Situasi benih tidak berkualiti, pembekalan racun dan baja yang agak lewat setiap kali musim penanaman padi yang menjejaskan pesawah juga antara kekusaran yang menyukarkan lagi peningkatan hasil padi tempatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Kelmarin akhbar ini melaporkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan peningkatan jumlah pengeluaran padi dalam negara sehingga tujuh tan metrik semusim.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, projek penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di kawasan Muda seperti yang diminta Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat mampu mencukupkan keperluan beras dalam negara.

Kata Mohamad, hasil pengeluaran padi sebanyak tiga hingga empat tan metrik semusim perlu dipertingkatkan sehingga tujuh tan metrik dengan penamaan lima musim dalam tempoh dua tahun.

Sementara itu, Mohd. Noor berkata, penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun juga agak sukar direalisasikan dan ia mungkin hanya mampu dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Katanya, kerajaan perlu melihat semua masalah ini khususnya berkaitan soal saliran yang masih lagi teruk di kebanyakan kawasan.

Sasar hasil padi sehingga tujuh tan semusim

GUA MUSANG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan peningkatan jumlah pengeluaran padi dalam negara sehingga tujuh tan metrik semusim.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di kawasan Muda seperti yang diminta Perdana Menteri, Da-

ranya berjalan lancar, insya-Alah jumlah beras cukup hingga tiga kali peningkatan.

"Pengeluaran kena ditingkatkan ke arah tujuh tan sekurang-kurangnya. Dengan kita dah capai kira-kira lima tan metrik. Kalau beras di Kelantan menyeluruh tan metrik, ia hadapi kecekapan beras pada ma-

**MINGGUAN
Malaysia
27 Julai 2025.**



Bagi mengatasi masalah itu, Perlis memerlukan peruntukan kira-kira RM200 juta untuk menyelesaikan isu sistem pengairan di hampir keseluruhan kawasan penanaman padi di negeri ini."

"Masalah ini bukan baharu malah sudah berlarutan puluhan tahun dengan para pesawah tetap berdepan masalah sama," katanya.

Di Perlis antaranya, masalah infrastruktur khususnya sistem pengairan yang tidak terurus menjadi antara kekangan

kepada negeri ini untuk melaksanakan penanaman padi lima kali dua tahun secara teratur dan menyeluruh.

Bagi mengatasi masalah itu, Perlis memerlukan peruntukan kira-kira RM200 juta untuk menyelesaikan isu sistem pengairan di hampir keseluruhan kawasan penanaman padi di negeri ini yang sekali gus mampu membantu meningkatkan produktiviti hasil pesawah.

Selain Kedah, Perlis antara penyumbang utama penghasilan beras negara iaitu 11 peratus dan ia mampu ditingkatkan sehingga 15 peratus sekiranya pelaksanaan penanaman padi lima kali dua tahun itu berjalan dengan lancar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, masalah infrastruktur khususnya sistem pengairan menyukarkan matlamat kerajaan ke arah usaha pelaksanaan penanaman padi lima kali dua tahun bagi membantu meningkatkan penghasilan padi negara itu.